

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Kad Debit BOCM. Dapatkan penjelasan lanjut sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma dan syarat-syarat yang mengawalselia penggunaan Kad Debit BOCM.

Bank of China (Malaysia) Berhad ("Bank / BOCM")

Nama Produk:

- **Kad Debit Antarabangsa Great Wall BOCM – MasterCard**
 - **Kad Debit Antarabangsa Great Wall BOCM – UnionPay & MyDebit**
 - **Kad Debit Pengurusan Kekayaan BOCM – MasterCard**
 - **Kad Debit Pengurusan Kekayaan BOCM – UnionPay & MyDebit**
- (secara kolektif dirujuk sebagai "Kad Debit")

1. Apakah Produk Ini?

- Ini adalah Kad Debit, iaitu instrumen pembayaran yang membolehkan pengeluaran tunai daripada Mesin Juruwang Automatik (ATM) serta pembayaran barangan dan/atau perkhidmatan termasuk pembayaran melalui QR di kedai runcit dan premis perkhidmatan yang mengambil bahagian. Anda dikehendaki mempunyai akaun simpanan dengan kami, yang akan dipautkan kepada Kad Debit anda, dan anda mesti memastikan baki yang mencukupi dalam akaun simpanan tersebut bagi memastikan setiap transaksi melalui Kad Debit anda berjaya. Kad Debit ini akan dibatalkan dan ditamatkan secara automatik sekiranya anda menutup akaun simpanan anda dengan pihak Bank.
- Kad Debit Virtual adalah kad debit bukan fizikal yang membolehkan transaksi dalam talian (1) pembelian e-dagang dan (2) pembayaran melalui UnionPay QR ("Kad Debit Virtual"). Anda dikehendaki memohon akaun virtual melalui Aplikasi Perbankan Mudah Alih BOCM, untuk dipautkan dengan Kad Debit Virtual anda ("Akaun Virtual"), yang tertakluk kepada baki maksimum yang ditetapkan oleh pihak Bank pada bila-bila masa. Kad Debit Virtual akan dibatalkan dan ditamatkan secara automatik sekiranya anda menutup Akaun Virtual anda dengan pihak Bank.

2. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Fi & Caj		Jumlah
Fi Pengeluaran/Fi Tahunan		MYR8.00*
Fi Penggantian Kad (Hilang/Rosak)	Penggantian disebabkan oleh cip yang rosak/kad yang rosak/penambahbaikan yang dibuat oleh Bank	Tiada Caj
	Permintaan Pemegang Kad atau Kerosakan kad disebabkan oleh kecuaiian Pemegang Kad	
	Kad Debit Generik Mastercard	MYR9.20
	Kad Debit Pengurusan Kekayaan Mastercard	MYR10.80
	Kad Debit Generik UnionPay	MYR9.90
	Kad Debit Pengurusan Kekayaan UnionPay	MYR12.00
Caj Pengambilan Draf Jualan (Hanya dikenakan untuk salinan asal)		MYR20.00
Fi Pertanyaan Baki		Tiada Caj
Fi Pengeluaran Tunai (Pengeluaran Tunai melalui Pedagang POS MyDebit terpilih)		MYR0.50 setiap transaksi
Fi Pengeluaran ATM		
Menerusi ATM Bank of China Malaysia		Tiada Caj
Menerusi ATM Bank Tempatan yang lain	Rangkaian MasterCard	Tiada Caj
	Rangkaian UnionPay	
Menerusi ATM Bank Luar Negara	Rangkaian MasterCard	MYR15.00 setiap transaksi

	Rangkaian UnionPay	MYR15.00 setiap transaksi**
Penukaran Transaksi Luar Negara <i>Nota: Tiada fi atau caj dikenakan ke atas Kad Debit Virtual tetapi ia tertakluk kepada caj tambahan penukaran mata wang sebanyak 1.00% daripada jumlah yang telah ditukar.</i>		Jika suatu Transaksi dibuat dalam Mata Wang selain daripada Mata Wang Pengebilan Kad (iaitu Ringgit Malaysia), Transaksi akan ditukar kepada Mata Wang Pengebilan Kad (MYR) mengikut kadar tukaran dan pada masa yang ditentukan oleh MasterCard Worldwide & UnionPay International mengikut budi bicara mereka, serta caj tambahan penukaran mata wang, masing-masing sebanyak 2.00% & 1.00% kepada jumlah yang ditukar.
* Tidak terpakai untuk Kad Debit Pengurusan Kekayaan ** Tidak terpakai untuk Kad Debit Pengurusan Kekayaan bagi pengeluaran ATM di luar negara menerusi ATM Bank of China di Tanah Besar China.		

*3. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama?

• Transaksi Pilih Masuk (Opt-in) dan Transaksi Tanpa Kad (Card-Not-Present – [CNP])

- Anda perlu memaklumkan kepada Bank untuk mengaktifkan tetapan transaksi luar negara dan/atau transaksi tanpa kad (CNP) bagi Kad Debit anda sebelum melakukan sebarang transaksi menggunakan Kad Debit tersebut. Jika tidak, sebarang transaksi luar negara dan tambah nilai/tambah nilai dalam talian atau sebarang bayaran yang tidak disahkan akan disekat secara lalai.
- Apabila transaksi luar negara dan/atau transaksi tanpa kad (CNP) dilakukan, kemungkinan wujud risiko data kad anda dikompromi atau maklumat tersebut digunakan untuk pembelian tanpa kebenaran. Harap maklum, bagi transaksi luar negara, ciri-ciri pengesahan kad untuk transaksi di terminal jualan (POS) mungkin berbeza antara negara, dan sesetengah negara/pedagang mungkin tidak menggunakan pendekatan yang ketat. Transaksi penipuan mungkin boleh berlaku sekiranya data kad anda terkompromi.
- Terpakai kepada semua Kad Debit, termasuk Kad Debit Virtual.

• Transaksi petrol di pam petrol luar (Bukan kaunter)

- Apabila Kad Debit digunakan di pam layan diri (mesin pengisian minyak automatik) untuk membayar transaksi petrol, sejumlah amaun pra-kebenaran tertentu ("Amaun Pra-Kebebenaran") akan ditahan oleh Bank daripada baki dalam Akaun Pemegang Kad. Bank akan melepaskan Amaun Pra-Kebebenaran tersebut dan mendebit amaun transaksi sebenar ke Akaun Pemegang Kad setelah Bank menerima bukti amaun transaksi sebenar daripada Pedagang dalam tempoh masa seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan, atau garis panduan kawal selia yang berkenaan, yang mungkin berbeza dari satu negara ke negara lain ("Tempoh Masa"). Amaun Pra-Kebebenaran yang dipersetujui di pam layan diri di Malaysia ditetapkan pada Ringgit Malaysia Dua Ratus (MYR200.00), dan Tempoh Masa untuk menahan amaun pra-kebenaran bagi transaksi petrol di Malaysia adalah selama 3 hari bekerja dari tarikh transaksi.
- Tidak terpakai kepada Kad Debit Virtual.

• Kad Debit Didayakan "Cip dan PIN"

- Kad Debit BOCM adalah berdaya Cip dan PIN, yang memerlukan anda memasukkan PIN anda pada terminal yang didayakan PIN. Oleh itu, anda dikehendaki sentiasa memastikan keselamatan PIN anda.
- Jangan gunakan PIN yang dipilih daripada tarikh lahir anda, nombor kad pengenalan, nombor mudah alih atau nombor berurutan (seperti 123456) dan/atau kombinasi nombor yang mudah dikenal pasti (seperti 111111) untuk mengurangkan peluang sesiapa meneka PIN anda.
- Kad Debit Virtual adalah berdayakan Kata Laluan Sekali Guna (OTP) dan PIN, ini memerlukan anda memasukkan OTP semasa pembayaran dalam talian; PIN diperlukan semasa pembayaran QR.

• **Had Transaksi untuk Kad Debit**

Kad Debit Antarabangsa Great Wall (MasterCard dan UnionPay & MyDebit)			
Perkara	Had Transaksi Tunggal	Had Harian	
		Had Lalai	Had Maksima [#]
Pembelian Runcit termasuk pembayaran melalui QR	N/A	MYR5,000.00 / CNY10,000.00	MYR10,000.00 / CNY20,000.00
Transaksi Tanpa Sentuhan	MYR250.00 / CNY500.00	MYR1,000.00 / CNY2,000.00	MYR1,000.00 / CNY2,000.00
Had Pengeluaran Harian ATM	Tertakluk kepada Penetapan Had ATM	MYR5,000.00 / CNY10,000.00	MYR10,000.00 / CNY20,000.00
Had Pengeluaran Tunai (Transaksi kad UnionPay & MyDebit di Malaysia Sahaja)	MYR500.00	MYR2,000.00	MYR2,000.00
Kad Debit Pengurusan Kekayaan (MasterCard dan UnionPay & MyDebit)			
Perkara	Had Transaksi Tunggal	Had Harian	
		Had Lalai	Had Maksima [#]
Pembelian Runcit	N/A	MYR5,000.00 / CNY10,000.00	MYR50,000.00 / CNY100,000.00
Transaksi Tanpa Sentuhan	MYR250.00 / CNY500.00	MYR1,000.00 / CNY2,000.00	MYR1,000.00 / CNY2,000.00
Had Pengeluaran Harian ATM	Tertakluk kepada Penetapan Had ATM	MYR5,000.00 / CNY10,000.00	MYR10,000.00 / CNY20,000.00
Had Pengeluaran Tunai (Transaksi kad UnionPay & MyDebit di Malaysia Sahaja)	MYR500.00	MYR2,000.00	MYR2,000.00

[#]Pemegang Kad boleh menetapkan had harian pilihan mereka sehingga had maksimum melalui mana-mana cawangan Bank di seluruh negara, BOCnet atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih BOCM.

• **Had Transaksi bagi Kad Debit Virtual**

Kad Debit Virtual			
Perkara	Had Transaksi Tunggal	Had Harian	
		Had Lalai	Had Maksima [#]
Pembelian E-Dagang/Bayar QR	MYR 2,000.00	MYR 5,000.00	MYR 5,000.00

[#]Pemegang Kad boleh menetapkan had harian pilihan mereka sehingga had maksimum melalui mana-mana cawangan Bank di seluruh negara, BOCnet atau Aplikasi Perbankan Mudah Alih BOCM.

• **Ciri-ciri Dwi Mata Wang (Kad Debit UnionPay & MyDebit sahaja)**

Kad Debit BOCM UnionPay & MyDebit ialah Kad Debit Dwi Mata Wang, Pemegang Kad dikehendaki memautkannya kepada satu Akaun Ringgit Malaysia (MYR) utama, dan atas pilihan Pemegang Kad, boleh memautkannya ke Akaun Yuan China (CNY). Sekiranya Pemegang Kad memautkan Kad UnionPay dengan akaun Yuan China ("CNY"):-

- semua transaksi dalam mata wang CNY akan diselesaikan dalam CNY dan tiada kadar pertukaran akan ditentukan, sekiranya Pemegang Kad mempunyai baki yang mencukupi; dan
- sekiranya baki akaun CNY Pemegang Kad tidak mencukupi, semua transaksi dalam CNY kemudiannya akan ditukar kepada Ringgit Malaysia (MYR) mengikut kadar tukaran dan pada masa yang ditentukan oleh Skim Kad atau BOCM mengikut budi bicara mutlak.

• Transaksi Tanpa Sentuhan

- Hanya sentuh Kad Debit anda di terminal pembayaran tanpa sentuhan semasa pembelian, tiada PIN atau tandatangan diperlukan untuk transaksi sehingga MYR250.00 / CNY500.00, tertakluk kepada had harian maksimum tanpa sentuhan sebanyak MYR 1,000.00 / CNY2,000.00.
- Apabila anda melebihi had transaksi terkumpul tanpa sentuhan anda, anda tidak dibenarkan untuk melakukan sebarang transaksi tanpa sentuhan. Had transaksi terkumpul tanpa sentuhan akan ditetapkan semula secara automatik pada hari berikutnya.
- Tidak terpakai kepada Kad Debit Virtual.

• Laluan Pembayaran untuk Kad Jenama Bersama

- Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas pilihan rangkaian laluan pembayaran untuk kad jenama bersama di Malaysia, laluan rangkaian pembayaran ditentukan oleh Pedagang.

4. Apakah akan berlaku sekiranya saya gagal memenuhi kewajipan saya?

➤ Hak Tolak Selesai:

Bank berhak untuk menolak selesai sebarang jumlah daripada akaun anda yang dikekalkan dengan Bank terhadap sebarang jumlah tertunggak yang perlu dibayar kepada Bank oleh Pemegang Kad terhadap akaun Kad Debit.

➤ Liabiliti bagi transaksi yang tidak dibenarkan:

Pemegang Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk transaksi tanpa kebenaran yang dilakukan dengan kad yang memerlukan pengesahan PIN/pengesahan tandatangan atau tanpa sentuhan sekiranya Pemegang Kad:-

- telah bertindak secara penipuan;
- melambatkan pemberitahuan kepada Bank secepat yang munasabah selepas menyedari kehilangan atau penggunaan Kad Debit tanpa kebenaran;
- dengan sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain atau membenarkan orang lain menggunakan Kad Debit;
- mencatatkan PIN pada Kad Debit, atau pada apa-apa yang disimpan berhampiran dengan Kad Debit, dan boleh hilang atau dicuri bersama Kad Debit;
- meninggalkan Kad Debit atau barang yang mengandungi Kad Debit tanpa pengawasan di tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain.

Nota: Sekiranya anda gagal mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Debit BOCM, Bank mempunyai hak untuk menamatkan Kad Debit anda.

➤ Perlindungan Kad

Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa mereka dengan tidak sengaja mendedahkan nombor Kad Debit dan PIN mereka kepada mana-mana pihak lain melalui e-mel yang tidak diminta atau di mana-mana laman sesawang dan harus mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan kad mereka selamat sepanjang masa. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang timbul daripada kegagalan pemegang kad untuk melindungi Kad Debit mereka.

5. Apakah risiko-risiko utama?

Kad Debit anda dicuri, hilang dan/atau digunakan untuk transaksi yang tidak dibenarkan. Oleh itu, Pemegang Kad dinasihatkan untuk menyemak semua maklumat transaksi secara menepati masa dan menyemak baki akaun atau penyata akaun secara berkala, bagi mengesan sebarang transaksi yang tidak dibenarkan dan melaporkan kepada kami dengan secepat mungkin sekiranya sebarang transaksi, kesilapan atau percanggahan yang tidak dibenarkan dikesan.

Pemegang Kad hendaklah mengunci akaun anda menggunakan Quick Lock melalui Perbankan Internet atau aplikasi Perbankan Mudah Alih apabila anda mengesyaki akaun anda telah dikompromi, mengesyaki transaksi penipuan atau mengesyaki anda menjadi mangsa penipuan.

6. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda bagi memastikan kesemua surat-menyerat sampai kepada anda menepati masa dan/atau anda boleh dihubungi apabila perlu. Anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami untuk mengemas kini butiran perhubungan anda.

7. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Pusat Khidmat Pelanggan kami boleh dihubungi di:-

Tel: 00 603 – 2059 5566

Faks: 00 603 – 2171 7988

Emel : callcenter@my.bank-of-china.com

Laman Web: www.bankofchina.com.my

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah tepat dan berkuat kuasa mulai 22/9/2026.